

DULCOLAX[®] SUPPOSITORIES FOR ADULTS

Bisacodyl (10mg)

Apa yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Dulcolax Suppositories
2. Bagaimana Dulcolax Suppositories berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dulcolax Suppositories
4. Cara menggunakan Dulcolax Suppositories
5. Sama sa menggunakan Dulcolax Suppositories
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara menyimpan dan pelupusan Dulcolax Suppositories
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Dulcolax Suppositories

Dulcolax Suppositories digunakan untuk melegakan sembelit. Ubat ini tidak mengurangkan berat badan.

Dulcolax Suppositories juga digunakan untuk merangsang pembuangan najis untuk prosedur diagnostik atau pra-pembedahan.

Apakah sembelit?

Pergerakan usus yang biasa adalah penting kepada orang ramai. Namun begitu, definisi "biasa" berbeza antara orang. Sesetengah orang buang air besar setiap hari, sesetengah orang kurang kerap. Apa pun keadaannya, mempunyai pergerakan usus yang teratur adalah penting.

- Sembelit adalah masalah sesekali bagi sesetengah orang. Bagi yang lain, ia mungkin berlaku lebih kerap.

- Ia berlaku apabila tindakan otot normal dalam usus besar menjadi perlahan, menyebabkan bahan sukar disingkirkan dari badan.

Punca sembelit sering tidak diketahui, ia boleh dikaitkan dengan:

- Perubahan mendadak dalam diet
- Diet yang kekurangan serat
- Tidak minum cecair yang mencukupi
- Kehilangan 'tonus' otot usus pada orang tua
- Kehamilan
- Ubat-ubatan seperti morphine atau codeine
- Keperluan untuk baring di katil untuk jangka masa panjang
- Kekurangan senaman

Apa pun puncanya, sembelit adalah menyebabkan ketidakselesaan. Ia mungkin menyebabkan anda berasa kembung dan berat atau tidak sihat.

Kadang-kadang ia menyebabkan sakit kepala.

Adalah dicadangkan untuk mengubah diet dan menggunakan ubat pembentuk pukal untuk mengawal sembelit sebelum menggunakan ubat ini.

Berikut adalah beberapa tip sihat yang disyorkan untuk mencegah sembelit.

- Makan diet seimbang termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran segar.
- Minum air secukupnya untuk mengelakkan dehidrasi.
- Teruskan bersenam dan kekal cergas
- Luangkan masa untuk mengosongkan usus apabila badan anda memberi isyarat

Bagaimana Dulcolax Suppositories berfungsi

Dulcolax Suppositories ia ksatif bertindak dengan meningkatkan pergerakan usus dan membantu pembuangan najis.

Sebelum menggunakan Dulcolax Suppositories

- Bila anda tidak boleh menggunakannya

- Jangan gunakan Dulcolax Suppositories jika anda
- alergi (hipersensitif) terhadap Bisacodyl atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk)
 - mempunyai dehidrasi yang teruk
 - mempunyai keadaan usus yang dipanggil "ileus" (usus tidak berfungsi sepenuhnya)
 - mempunyai masalah perut yang akut seperti keradangan apendiks
 - mempunyai sakit perut yang teruk dengan loya dan muntah
 - mengalami usus tersumbat (ha langan usus)
 - mempunyai inflamasi usus
 - mempunyai luka atau rekahan dubur (*anal fissures*)
 - mempunyai inflamasi atau ulser di sekitar lauan belakang (*ulcerative proctitis*)

Jika anda tidak pasti, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Adakah ini membantu dalam penurunan berat badan?

Julap perangsang (termasuk bisacodyl) tidak membantu dalam

penurunan berat badan. Mereka tidak mengurangkan penyerapan kalori atau nutrien. Penggunaan julap boleh menyebabkan najis berair (cirit-birit), kekejangan perut, dan dehidrasi. Dehidrasi mungkin menyebabkan kelihatan seperti penurunan berat badan, tetapi ia bukan kehilangan lemak sebenar.

Penggunaan julap yang berlebihan boleh membahayakan kesihatan anda dengan:

- Menyebabkan ketidakseimbangan elektrolit dan mineral. Natrium, kalium, magnesium, dan fosforus adalah elektrolit dan mineral yang diperlukan dalam jumlah tertentu untuk fungsi saraf dan otot yang betul, termasuk usus besar dan jantung. Mengganggu keseimbangan ini boleh menyebabkan fungsi organ penting ini terganggu.

- Dehidrasi teruk boleh menyebabkan gegaran, kelemahan, penglihatan kabur, pingsan, kerosakan buah pinggang, dan dalam kes yang serius, kematian. Dehidrasi sering memerlukan rawatan perubatan.

- Penggunaan julap yang berlebihan harus dielakkan kerana ia boleh merosakkan fungsi usus.

- Sebelum menggunakan Dulcolax Suppositories

Laksatif perangsang termasuk Dulcolax tidak membantu mengurangkan berat badan.

Mengandung dan menyusukan anak
Sebelum menggunakan sebarang ubat, sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang kehamilan atau menyusukan bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

- Tablet air (diuretik) seperti bendrofluzide atau furosemide (frusemide)
- Ubat steroid seperti prednisolone
- Laksatif yang lain

Sekiranya anda tidak pasti dengan mana-mana di atas, berbincang dengan ahli farmasi atau doktor sebelum mengambil Dulcolax Suppositories.

Cara menggunakan Dulcolax Suppositories

Dulcolax Suppositories tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak umur 4 tahun ke bawah.

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak berumur 10 tahun atau lebih muda dengan sembelit kronik atau berterusan harus dirawat di bawah bimbingan doktor.

Untuk sembelit:

Dewasa dan kanak-kanak umur 10 tahun ke atas

Supositori 10 mg untuk kesakitan yang segera.

Untuk prosedur diagnostik dan pra pembedahan:

Sila gunakan di bawah pengawasan pakar perubatan.

Dewasa dan kanak-kanak umur 10 tahun ke atas

- Dua tablet bersalut (10 mg) pada waktu pagi dan dua tablet bersalut (10 mg) pada waktu petang dan satu supositori (10 mg) pada pagi yang berikutnya disyorkan.

Cara menggunakan suppositori

Suppositori hanya boleh digunakan di bahagian belakang tubuh anda.

1. Keluarkan pembalut foil.
2. Berbaring di sebelah dan tarik lutut ke arah dada. Pastikan satu kaki ditarik lebih berbanding yang lain.
3. Gunakan jari telunjuk (jari pertama) atau jari tengah untuk memasukkan suppositori.
4. Masukkan suppositori dengan perlahan ke dalam bahagian belakang tubuh anda, dengan hujung yang tajam terlebih dahulu.
5. Setelah ia masuk sejauh mungkin, tekan ke sisi untuk memastikan ia menyentuh dinding usus.
6. Letakkan kaki anda pada posisi yang selesa sementara suppositori kekal di tempatnya.
7. Biarkan suppositori berada di dalam tubuh anda sekurang-kurangnya 30 minit.

Jika anda rasa suppositori mungkin keluar segera:

- Mungkin anda tidak memasukkannya cukup dalam. Masukkan lebih dalam lagi jika boleh.
- Cuba untuk menahannya selama 30 minit, walaupun anda rasa sangat perlu ke tandas. Ini adalah tempoh yang diperlukan untuknya berfungsi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Seperti semua laksatif, Dulcolax Suppositories tidak patut diambil melebihi lima hari secara berterusan tanpa menyiasat punca sembelit.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebihdos)

Ketidakeimbangan cecair dan garam dalam badan. Ini boleh mempengaruhi kekuatan otot, seperti otot dalam usus. Ia juga boleh menjejaskan garam dalam darah.

- Tahap kalium rendah dalam darah (dipanggil 'hipokalemia'). Ini boleh membuat anda merasa letih, pening, otot anda menjadi lemah, dan menyebabkan degupan jantung yang tidak sekata.
- Dehidrasi, menyebabkan rasa dahaga, pengsan, dan sakit kepala. Ia juga boleh bermakna anda tidak dapat membuang air kencing dengan cukup.

Hubungi doktor anda segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah menggunakan terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakelesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa menggunakan Dulcolax Suppositories

- Perkara yang perlu anda lakukan

Gunakan ubat anda seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dulcolax Suppositories.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh

dilakukan Jangan berhenti menggunakan ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Dulcolax Suppositories kepada sesiapapun walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi

perhatian Penggunaan berlebihan dan berpanjangan boleh menyebabkan ketidakseimbangan air dan elektrolit.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini boleh mempengaruhi kemampuan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Sekiranya ubat ini membuat anda pening atau rasa hendak pengsan, tunggu sehingga perasaan ini hilang sebelum memandu atau menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dulcolax Suppositories boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan di bawah, berhenti mengambil ubat ini dan hubungi doktor anda secepat mungkin.

Kesan sampingan yang sangat jarang (mempengaruhi kurang daripada 1 dalam 1000 orang)

- Reaksi alergi teruk yang menyebabkan muka atau keronkong bengkak dan kesukaran pernafasan atau pening kepala.

Jika anda mempunyai reaksi alergi teruk, berhenti mengambil ubat ini dan hubungi doktor secepat mungkin.

- Kolitis (keradangan pada usus besar yang menyebabkan sakit perut dan cirit-birit)

- Dehidrasi

Reaksi alergi yang mungkin menyebabkan ruam kulit

- Pengsan

Kesan sampingan yang jarang (mempengaruhi kurang daripada 1 dalam 100 orang)

- Darah dalam najis
- Kemuntahan
- Ketidakelesaan perut
- Ketidakelesaan di dalam dan sekitar dubur

- Pening

Kesan sampingan yang biasa (mempengaruhi kurang daripada 1 dalam 10 orang)

- Kejang atau sakit perut
- Cirit-birit
- Loya

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, beritahu doktor, ahli farmasi atau jururawat. Ini termasuklah sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pendaftaran Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Dengan melaporkan kesan sampingan, anda telah membantu untuk menyediakan lebih banyak maklumat tentang keselamatan ubat ini.

Cara penyimpanan dan pelupusan Dulcolax Suppositories

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya dan haba, pastikan blister berada di dalam bungkusan kotak.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk cara melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warnaproduk

Dulcolax Suppositories 10 mg adalah berwarna putih atau sedikit kekuningan, berbentuk peluru dengan

permukaan licin dan “cerobong” di bawah.

Bahan-bahan

- Bahan aktif: *Bisacodyl* 10mg
- Bahan tidak aktif: Hard fat

NomborMAL

Dulcolax Suppositories 10 mg MAL14035018XCZ

Pengilang

Istituto De Angeli S.r.L
Florence, Italy

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
B-11-01, The Ascent, Paradigm,
No. 1, Jalan SS7/26A, Kelana
Jaya 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

25/11/2024

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)250317/1438